

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Tunjuk perasaan: Amaran Mahathir

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesiapa yang didapati bersalah mencetuskan demonstrasi di Alor Setar Rabu lalu, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan Kerajaan memandang berat terhadap sebarang tunjuk perasaan dan juga mereka yang menghasut orangramai supaya mengadakan demonstrasi.

Bellau memberi amaran itu ketika mengulas kejadian tunjuk perasaan oleh beribu-ribu penanam padi Kedah di Wisma Negeri tiga hari lalu menuntut kenaikan harga padi kepada \$40 sepikul.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu pemberita selepas memberi taklimat mengenai Pusat Perdagangan Eksport Malaysia di sini bahawa siasatan sedang dijalankan sekarang mengenai kegiatan tunjuk perasaan itu.

Bellau setuju dengan kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Abdul Manan Othman bahawa demonstrasi itu berlaku akibat hasutan dari pihak tertentu untuk tujuan politik.

Bellau enggan menyebut sama ada parti politik tertentu bertanggungjawab terhadap kejadian itu tetapi sekadar mengesahkan bahawa "penganjur demonstrasi itu sudah tentu bukan orang UMNO kerana kami tahu siapa ahli-ahli UMNO."

Datuk Seri Dr. Mahathir sambil menyatakan kesal terhadap kejadian itu hairan mengapa penanam padi di Kedah memilih jalan secara tunjuk perasaan jika mereka benar-benar tidak puashati dengan harga padi \$32 sepikul serta pembayaran subsidi \$2 secara kupon bagi setiap pikul. — Bernama